

# Tekong mengaku rasuah pegawai Maritim

**KUALA TERENGGANU-**Padah memberi suapan kepada pegawai Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia), dua tekong warga Vietnam dijatuhi hukuman 12 bulan penjara dan denda RM10,000 oleh Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu semalam.

Kedua-duanya tertuduh, Tran Van Kiet, 47, dan Tran Van Toan, 42, turut berdepan hukuman penjara lima bulan lagi sekiranya mereka gagal menjelaskan denda berkenaan.

Hakim Jamaludin Mat membuat keputusan itu

selepas mereka mengaku salah terhadap pertuduhan mengikut Seksyen 17(b) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 (Akta 694) yang dibacakan secara berasingan.

Mengikut pertuduhan, Van Kiet didakwa memberi suapan wang tunai RM1,000 kepada seorang ejen Kerajaan Malaysia iaitu Leftenan Dya (M) Mohd Shahril Samsudin di 77 batu nautika dari Kuala Terengganu, jam 8 pagi pada 19 Mei lalu.

Sementara itu, Van Toan pula didakwa melakukan kesalahan sama dengan

memberi suapan wang tunai RM950 kepada seorang ejen Kerajaan Malaysia iaitu Leftenan Muda (M) Ahmad Syahid Mohd Rahim di 73 batu nautika dari Kuala Terengganu, jam 7.16 pagi pada 19 Mei lalu.

Suapan itu sebagai dorongan agar tidak mengambil tindakan undang-undang terhadap mereka kerana melakukan aktiviti menangkap ikan atau cuba menangkap ikan di perairan Malaysia yang menjadi kesalahan mengikut Seksyen 15 (1)(a) Akta Perikanan 1985.



Dua tekong warga Vietnam ini dipenjara 12 bulan dan didenda RM10,000 selepas mengaku salah memberi suapan kepada pegawai Maritim Malaysia di Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu semalam.